

Media item

Full Text

MOSTI alu-alukan teknologi terkini bantu kurangkan pelepasan karbon

Utusan Borneo Sabah, Malaysia by Bernama

15 Nov 2021

General News - Page 0 - 272 words - ID my0045997354 - Photo: No -

Type: - Size: 202.00cm²

MOSTI alu-alukan teknologi terkini bantu kurangkan pelepasan karbon Bernama MELAWAT: Dr Adham (tengah) diberi penerangan oleh Randy (kiri) ketika dibawa melawat mesin memproses botol plastik kitar semula selepas menyaksikan Majlis Tandatangani Perjanjian antara Pengarah Hiroyuki Industries Sdn Bhd Hiroyuki Nakata dengan Perunding Jualan Serantau Starlinger & Co Tee Guan Huat (kanan) di kawasan Perindustrian Murni Senai, Kulai, s e m a l a m . — Gambar Bernama KULAI: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengalu-alukan teknologi terkini daripada pihak industri bagi menghasilkan produk membantu mengurangkan pelepasan karbon dioksida sekali gus memberi jaminan terhadap kelestarian alam sekitar di negara ini. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata kerjasama pelbagai pihak seperti menghasilkan teknologi tinggi bagi mengitar semula bahan terpakai, mampu merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara rendah karbon menjelang 2030. "Bagi menyuburkan industri seperti ini, MOSTI sangat mengalu-alukan kehadiran teknologi terkini, misalnya proses melibatkan bahan terpakai seperti plastik yang merupakan antara usaha besar negara untuk mengurangkan pelepasan karbon," katanya kepada pemberita selepas melawat Kawasan Perindustrian Murni, Senai di sini semalam. Beliau berkata bandar rendah karbon mampu membawa banyak kesan positif kepada seluruh masyarakat terutama dalam mengurangkan kesan perubahan iklim global. Adham berkata MOSTI akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) bagi mencapai hasrat tersebut. Katanya penglibatan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara seperti dari Jepun dan Austria untuk membangunkan teknologi mengurangkan pelepasan karbon, juga bakal membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan pelaburan di negara ini. Pada 3 Nov, dilaporkan Malaysia telah melaksanakan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 (LCMB) yang menyediakan strategi dan pelan tindakan untuk sektor pengangkutan darat bagi mencapai pengurangan penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah kaca (GHG) menjelang 2030. — Bernama

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OZTAM, Nielsen, Research International and TNS.